



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK
SARAWAK

BUKU PANDUAN

CEGAH & BANTERAS
AMALAN BURUH PAKSA
DAN JENAYAH
PEMERDAGANGAN
ORANG

Kandungan

Prakata	1
2	Latar Belakang
Maksud & Definisi	3-7
8-12	Golongan Mangsa
Petunjuk Buruh Paksa	13-24
15-32	Peranan Masyarakat Industri
Agensi Penguatkuasaan Berkaitan	33-34
35	Talian Khas MAPO
Sidang Redaksi	36-37

PRAKATA

Buku Panduan **Cegah dan Banteras Amalan Buruh Paksa dan Jenayah Pemerdagangan Orang** ini diterbitkan untuk dijadikan rujukan kepada semua pihak berkepentingan khususnya majikan, pekerja, kesatuan sekerja, agensi pekerjaan swasta, pencari kerja dan pihak-pihak lain yang berkaitan dengan buruh paksa dan pemerdagangan orang.

Penerbitan buku panduan ini juga merupakan satu usaha Jabatan Tenaga Kerja Sarawak di bawah Pelan Tindakan Nasional Antipemerdagangan Orang (NAPTIP 3.0) 2021–2025 dan Pelan Tindakan Nasional Buruh Paksa (NAPFL) 2021– 2025 bagi meningkatkan kesedaran kepada pihak-pihak terlibat dalam usaha **mencegah dan membanteras amalan buruh paksa dan jenayah pemerdagangan orang secara menyeluruh di negara ini menjelang tahun 2030.**

Diharapkan semua maklumat dalam buku panduan ini akan membantu masyarakat umum tentang kesedaran peranan masing-masing dan tanggungjawab yang perlu diambil dalam usaha mencegah dan membanteras amalan buruh paksa dan jenayah pemerdagangan orang, khususnya di tempat pekerjaan.

Sekalung penghargaan kepada ahli-ahli Sidang Redaksi buku panduan ini dan semua pihak yang terlibat dalam memberikan sumbangan sepanjang penerbitan buku panduan ini.

LATAR BELAKANG

Semasa zaman pemerintahan British, terdapat amalan perburuhan bersifat buruh paksa yang dikerah dalam sektor pertanian dan perlombongan di Tanah Melayu dan juga di Sabah dan Sarawak. Bagaimanapun, selepas pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, amalan hamba abdi dan kerja buruh paksa telah dilarang melalui peruntukan undang-undang di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Isu buruh paksa dan pemerdagangan orang merupakan amalan perburuhan bersifat jenayah yang telah menarik perhatian badan-badan antarabangsa terutamanya Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO – International Labour Organization) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations).

Pada tahun 2023, pihak U.S Department of State telah mengeluarkan Laporan Pemerdagangan Manusia 2023, di mana negara Malaysia telah disenaraikan bersama 26 negara lain dalam senarai Tier 2 Watch List. Sebelum itu, Malaysia pernah berada dalam senarai Tier 3 pada tahun 2021 dan 2022. Hal ini berlaku berikutan isu-isu buruh paksa dan pemerdagangan orang yang berbangkit tidak ditangani dengan baik. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan kini sedang giat menjalankan banyak inisiatif dan program kesedaran serta pencegahan untuk membanteras amalan buruh paksa dan jenayah pemerdagangan orang. Kerajaan Malaysia telah menyatakan komitmen dan keazaman agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan ke arah pembasmian amalan buruh paksa dan jenayah pemerdagangan orang menjelang 2030.

MAKSUD DAN DEFINISI

- Buruh Paksa
- Buruh Kanak-Kanak
- Pemerdagangan Orang
- Penyeludupan Migran



MAKSUD DAN DEFINISI

Buruh Paksa



Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka:

Istilah "buruh" adalah merujuk kepada pekerja atau **orang yang bekerja**. Sementara istilah "paksa" adalah merujuk kepada perbuatan mengkehendaki seseorang melakukan sesuatu aktiviti atau perkara **tanpa kerelaan**. Justeru, "buruh paksa" adalah merujuk kepada orang yang bekerja atau **mengalami sesuatu kerja dalam keadaan tanpa kerelaannya**.




International Labour Organization (ILO):

Petikan dari Artikel 2 Forced Labour Convention (ILO) 1930 (No.29), menyatakan bahawa buruh paksa merangkumi "**semua kerja atau perkhidmatan yang dikerah dan diperolehi daripada seseorang tanpa kerelaannya** dengan ancaman hukuman ke atasnya."

MAKSUD DAN DEFINISI

Buruh Kanak-Kanak



Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76):

Istilah "kanak-Kanak" dalam konteks pekerjaan adalah merujuk kepada orang yang berumur **di bawah lima belas (15) tahun**.

Manakala "orang muda" dalam konteks pekerjaan adalah merujuk kepada orang yang berumur antara lima belas (15) tahun hingga di bawah lapan belas (18) tahun.

Larangan Pekerjaan Dalam Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76):

Kanak-kanak dan orang muda **hanya dibenarkan melakukan kerja ringan yang berkaitan dengan perniagaan di bawah pengendalian ibu bapanya atau ahli keluarganya**.

MAKSUD DAN DEFINISI

Pemerdagangan Orang



Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka:

Istilah "pemerdagangan" adalah merujuk kepada aktiviti berniaga yang melibatkan urusan menjual dan membeli di antara pihak-pihak yang berdagang. Justeru, "pemerdagangan orang" adalah merujuk kepada urus niaga menjual dan membeli manusia atau organ, termasuk aktiviti pergerakan manusia atau organ berkenaan secara haram merentasi sempadan negara.



Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyaludupan Migran 2007 (ATIPSOM)

Menurut Seksyen 2 ATIPSOM, istilah "pemerdagangan orang" adalah merujuk kepada "apa-apa perbuatan merekrut, mengangkat, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang dengan niat mengeksplotasi dengan cara kekerasan, pemelarian, tipu muslihat, penyalahgunaan kuasa dan pemberian atau penerimaan rasuah"



PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

Bahagian II: Kebebasan Asasi

Artikel 6: Keabdian dan Kerja Paksa Dilarang

Peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia menetapkan bahawa
tiada seseorang pun boleh ditahan sebagai abdi.



MANGSA
Pekerja Domestik

CEGAH


Pekerja domestik wanita
DIEKSPLOITASI oleh majikannya.



MANGSA
Golongan Wanita

CEGAH

TIPU MUSLIHAT terhadap
golongan wanita



MANGSA

Golongan Kanak-Kanak

CEGAH

EKSPLITASI terhadap
golongan kanak-kanak

MANGSA Pekerja Asing

BANTERAS

Elemen dan unsur
BURUH PAKSA pekerja
asing di MALAYSIA



MANGSA Belia dan Graduan

CEGAH

SKIM PENIPUAN PEKERJAAN
di luar negara bagi golongan
belia dan graduan

11 PETUNJUK BURUH PAKSA

- (1) Penganiayaan Golongan Rentan**
- (2) Penipuan dan Manipulasi**
- (3) Sekatan Pergerakan**
- (4) Pengasingan Lokasi**
- (5) Penderaan Fizikal Dan Seksual**
- (6) Ancaman Dan Ugutan**
- (7) Penahanan Dokumen Pengenalan Diri**
- (8) Penahanan Gaji**
- (9) Perhambaan Hutang**
- (10) Waktu Kerja Yang Berpanjangan**
- (11) Kedaifan Persekutaran Tempat Kerja**



Golongan rentan adalah **kumpulan pekerja yang lemah dan mudah terdedah** kepada sifat jahat manusia (seperti tamak dan kejam). Mereka terdiri daripada:

-  **Orang Kurang Upaya**
-  **Kanak-kanak dan orang muda**
-  **Wanita**
-  **Orang yang buta huruf**
-  **Pekerja warga asing**



CONTOH:

Golongan rentan **dianiaya dan dieksplotasi** oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di atas kelemahan mereka untuk:

- ⦿ Melakukan sesuatu kerja **tanpa kerelaan**
- ⦿ Melakukan kerja **tanpa apa-apa bayaran**
- ⦿ Melakukan **kerja tidak bermoral**
- ⦿ Melakukan **aktiviti jenayah**



Penipuan dan manipulasi dibuat dengan memberi **janji palsu** mengenai perkara pekerjaan berikut:

- Gaji yang lumayan
- Jawatan berstatus mewah
- Pelbagai kemudahan dan faedah
- Tanggungan perbelanjaan (seperti tambang pengangkutan)
- Lokasi pekerjaan yang cantik




CONTOH:

Pihak tertentu membuat **muslihat tawaran tertentu dalam iklan pengambilan pekerja** yang memerangkap pencari kerja kepada keadaan berikut :

- ⌚ Menerima **jawatan yang berbeza** dari tawaran asal
- ⌚ Menerima **gaji yang lebih rendah** dari tawaran asal
- ⌚ Kemudahan dan faedah tertentu **ditarik balik atau dikurangkan**
- ⌚ **Menanggung sendiri** segala perbelanjaan
- ⌚ Ditempatkan di **lokasi** syarikat **berbeza** dari tawaran asal
- ⌚ **Tiada kerja** diberikan

PETUNJUK #3

Sekatan Pergerakan



Sekatan pergerakan merujuk kepada **tindakan mengurung atau mengawal secara ketat** ke atas yang berikut:

- ☰ **Jalan keluar dan masuk** ke tempat penginapan pekerja atau premis pekerjaan
- ☰ **Waktu keluar dan masuk** ke tempat penginapan pekerja atau premis pekerjaan



CONTOH:

Pihak tertentu membuat sekatan pergerakan dengan kaedah-kaedah berikut:

- ➲ **Membuat pagar berkunci** dengan kawalan ketat oleh pengawal keselamatan atau anjing pengawal.
- ➲ Menetapkan **waktu dan tempoh masa terhad** untuk pergerakan bebas pekerja
- ➲ Pergerakan pekerja tidak bebas dan **diawasi rapi melalui peranti pemantauan** (seperti CCTV)



Pengasingan lokasi merujuk kepada tindakan **menempatkan pekerja di suatu tempat yang terpencil dan tersembunyi** daripada pandangan orang awam. Lokasi yang terpencil dan tersembunyi menunjukkan petanda bahawa tempat berkenaan seringkali digunakan untuk tujuan aktiviti haram atau aktiviti jenayah penyeludupan orang.



CONTOH:

Pihak tertentu membuat pengasingan lokasi dengan cara-cara berikut:

- ➲ **Mengurung pekerja di dalam rumah atau bilik** dan tidak membenarkan mereka berkomunikasi dengan keluarga atau orang luar.
- ➲ **Alamat premis pekerjaan dirahsiakan** daripada pengetahuan pekerja.
- ➲ **Premis perniagaan majikan tidak pernah berdaftar** atau menggunakan nama perniagaan palsu.

PETUNJUK #5

☒ Penderaan Fizikal Dan Seksual



Penderaan fizikal merujuk kepada perbuatan seperti **memukul dan mencederakan** mangsa dengan tujuan memaksa pekerja melakukan sesuatu kerja. Manakala penderaan seksual merujuk kepada tindakan memaksa mangsa pekerja **menganjurkan hubungan seks** dengan majikan atau mana-mana kenalan majikan.



CONTOH:

Pihak tertentu seringkali **menghukum kesilapan kecil** pekerja dengan cara:

- ➲ **Mencederakan** mana-mana anggota badan dengan bahan berbahaya atau senjata.
- ➲ **Memukul** pekerja dengan alat tertentu.
- ➲ **Merogol** pekerja atau memaksa hubungan seks



Ancaman dan ugutan merujuk kepada **perbuatan yang menimbulkan perasaan takut** pada pekerja dengan tujuan memaksa mereka mengikut apa-apa arahan majikan untuk melakukan sesuatu kerja.



CONTOH:

Pihak tertentu bertindak dengan sikap agresif dengan cara:

- ⌚ **Menghina atau memaki hamun** pekerja sehingga menjatuhkan maruahnya.
- ⌚ **Mengugut secara lisan dengan tekanan fizikal** ke atas pekerja supaya mengikut arahan majikan.
- ⌚ **Mengancam nyawa pekerja dengan tekanan fizikal** supaya mengikut arahan majikan.



Perbuatan majikan **menahan dokumen pengenalan diri pekerja** (seperti pasport) dengan niat jahat supaya pekerja berkenaan terikat atau terpaksa terus tinggal dan bekerja dengannya untuk tempoh yang lama.



CONTOH:

Pihak tertentu bertindak atas niat jahat dengan menyimpan atau menahan:

- ⦿ **Dokumen pengenalan diri** (seperti pasport pekerja)
- ⦿ **Apa-apa dokumen penting milik pekerja.**
- ⦿ **Apa-apa barang berharga milik pekerja.**



Penahanan gaji merujuk kepada **tindakan majikan yang lewat membayar atau langsung tidak membayar gaji** kepada pekerja melebihi tempoh yang dibenarkan dalam undang-undang perburuhan. Elemen buruh paksa dianggap wujud apabila penahanan gaji dilakukan dengan sengaja untuk tempoh yang lama.



CONTOH:

Pihak majikan bertindak dengan niat jahat memperhambakan pekerja dengan:

- ⇒ **Tidak membayar apa-apa gaji.**
- ⇒ **Sengaja lewat membayar gaji.**
- ⇒ **Membuat potongan gaji yang tidak dibenarkan oleh undang-undang.**

PETUNJUK #9

Perhambaan Hutang



Perhambaan hutang merujuk kepada **kedaikan pekerja yang terpaksa bekerja untuk melangsaikan pembayaran hutang yang tinggi** kepada ejen, majikan atau pihak yang lain. Pihak yang merekrut pekerja akan mengenakan kadar bayaran balik yang tinggi terhadap pekerja, yang mana kononnya meliputi pelbagai kos perbelanjaan pendahuluan seperti pengangkutan, penginapan, perubatan dan sebagainya.



CONTOH:

Pihak majikan/ejen bertindak memperhambakan pekerja dengan pelbagai kadar bayaran balik berbentuk pinjaman hutang dengan cara:

- ⦿ **Memotong sebahagian gaji pekerja** untuk tempoh yang lama.
- ⦿ **Caj bayaran faedah ansuran** yang tinggi dan lama ke atas pelbagai perkhidmatan.

Waktu Kerja Yang Berpanjangan



Waktu kerja yang berpanjangan merujuk kepada **keadaan pekerja yang dipaksa bekerja tanpa waktu rehat dan diarahkan bekerja lebih masa melebihi tempoh** yang dibenarkan dalam undang-undang perburuhan.



CONTOH:

Pihak majikan/ejen bertindak memaksa pekerja melakukan sesuatu kerja dengan:

- ⇒ Bekerja **melebihi 12 jam dalam sehari** tanpa waktu rehat.
- ⇒ **Bekerja lebih masa melebihi had tempoh** yang dibenarkan.

PETUNJUK #11

Kedaifan Persekutaran Tempat Kerja



Kedaifan persekitaran tempat kerja merujuk kepada **tempat pekerjaan termasuk tempat penginapan pekerja yang tidak terurus, tidak selamat dan terdedah kepada pelbagai elemen berbahaya dan penyakit berjangkit.**



CONTOH:

- Pihak majikan **tidak menyediakan perkara** yang berikut:
- ⌚ **Struktur penginapan pekerja** tidak mengikut standard yang ditetapkan oleh undang-undang.
 - ⌚ Kemudahan asas seperti **bekalan air bersih dan elektrik**.
 - ⌚ Peralatan perlindungan diri pekerja seperti **topi keselamatan, kasut keselamatan** dan sebagainya.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB MASYARAKAT INDUSTRI



- ➲ MAJIKAN
- ➲ PEKERJA
- ➲ KESATUAN SEKERJA
- ➲ PENCARI KERJA
- ➲ AGENSI PEKERJAAN SWASTA
- ➲ ORANG AWAM

Semua pihak dalam masyarakat industri perlu sedar tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk mencegah sebarang bentuk jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa demi **menjamin keadilan sosial sejagat**.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

MAJIKAN



TERMA DAN SYARAT PEKERJAAN:

Terma dan syarat dalam mana-mana kontrak pekerjaan **mesti mematuhi peruntukan undang-undang dan standard minimum** ditetapkan oleh undang-undang perburuhan. Contohnya, mematuhi Perintah Gaji Minimum 2022 menetapkan gaji pokok bulanan ialah RM1,500 sebulan.



PEMATUHAN BAYARAN GAJI:

Bayaran gaji mesti dibuat mengikut kadar dan tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang perburuhan atau syarat kontrak pekerjaan. Gaji pekerja mesti dibayar tidak melebihi 7 hari selepas tamat tempoh gaji.



PEMATUHAN WAKTU KERJA:

Tempoh masa bekerja normal adalah **8 jam** sehari. Maksimum masa bekerja dalam **sehari ialah 12 jam**, termasuk waktu kerja lebih masa serta masa berehat untuk makan dan minum, kecuali dalam keadaan yang dibenarkan undang-undang.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

MAJIKAN



PEMBERIAN CUTI BERGAJI:

Pemberian **cuti** adalah mengikut syarat seperti mana yang termaktub dalam undang-undang perburuhan, iaitu **cuti tahunan, cuti sakit, cuti umum dan cuti bersalin**.



PEMBERIAN HARI REHAT:

Pemberian **hari rehat** adalah mengikut syarat seperti mana yang termaktub dalam undang-undang perburuhan. Semua pekerja wajib diberikan sekurang-kurangnya **1 hari rehat** dalam tempoh seminggu. **Tiada paksaan**, kecuali dalam keadaan yang dibenarkan undang-undang, terhadap mana-mana pekerja untuk bekerja pada hari rehat.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

PEKERJA



PENGETAHUAN TENTANG HAK PEKERJA:

Pekerja perlu mengambil tahu tentang **hak-hak sebagai seorang pekerja di bawah undang-undang perburuhan.**



PENGADUAN TENTANG AMALAN BURUH PAKSA:

Pekerja boleh membuat **aduan kepada Jabatan Tenaga Kerja Sarawak** atau agensi penguat kuasa yang lain **sekiranya terdapat apa-apa amalan buruh paksa yang berlaku di tempat pekerjaan.**



PENGADUAN PELANGGARAN UNDANG-UNDANG:

Pengaduan tentang apa-apa **amalan perburuhan yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang perburuhan** kepada pihak berkuasa yang berkaitan dengan cepat untuk tindakan pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang yang sewajarnya.



PEMATUHAN POLISI SYARIKAT:

Pekerja perlu mengambil tahu tentang **polisi dan prosedur dalaman syarikat** berkaitan aspek disiplin pekerjaan dan proses operasi kerja. Pekerja perlu sentiasa menjaga disiplin kerja supaya tidak sengaja melanggar mana-mana polisi syarikat.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

◦ KESATUAN SEKERJA



KEHARMONIAN INDUSTRI:

Perhubungan yang harmoni perlu sentiasa dipelihara di kalangan pekerja, majikan dan kesatuan sekerja mereka. Pihak kesatuan boleh berkomunikasi dengan pihak majikan dan mewakili mana-mana ahlinya untuk **berunding secara rasional**, mencari resolusi terbaik kepada isu-isu pertikaian atau kebijakan pekerja.



PERWAKILAN PEKERJA:

Bertanggungjawab mewakili pihak pekerja untuk **menyuarkan isu-isu keadilan berkaitan termasuk syarat pekerjaan dan kebijakan pekerja** untuk diketengahkan kepada pihak pengurusan syarikat dan pihak berkuasa untuk tindakan pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang yang sewajarnya.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

⌚ PENCARI KERJA



SEMAKAN PERJAWATAN:

Tawaran pekerjaan oleh mana-mana pihak dalam atau di luar negara hendaklah disemak kesahihannya dengan agensi berkuasa berkaitan.



PERSEDIAAN SEBELUM BEKERJA DI LUAR NEGARA:

Pencari kerja yang ingin bekerja ke luar negara perlu **membuat persediaan dokumen perjalanan** (seperti pasport dan visa) yang lengkap sebelum ke luar negara.

Pengesahan surat tawaran pekerjaan daripada pihak majikan di luar negara mesti dilakukan sebelum berangkat untuk bekerja di luar negara.



TINDAKAN SEMASA DI LUAR NEGARA:

Pekerja yang telah mendapat pekerjaan di luar negara mesti **melaporkan** tentang pekerjaan berkenaan di **pejabat konsular Malaysia** yang terdekat.



BERURUSAN DENGAN AGENSI PEKERJAAN BERLESEN:

Pencari kerja disarankan mendapatkan perkhidmatan daripada agensi pekerjaan swasta yang dilesenkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB ○ AGENSI PEKERJAAN SWASTA



KEPERLUAN MENDAPATKAN LESEN:

Mana-mana individu atau agensi pekerjaan swasta yang ingin menjalankan apa-apa aktiviti merekrut, termasuk aktiviti pengiklanan kekosongan jawatan hendaklah terlebih dahulu **mendapatkan lesen agensi pekerjaan swasta** daripada Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.



PEMATUHAN SYARAT-SYARAT LESEN:

Mana-mana individu atau agensi pekerjaan swasta yang telah diberikan lesen agensi pekerjaan swasta hendaklah mematuhi semua syarat yang ditetapkan dalam lesen berkenaan.



FI BAGI PERKHIDMATAN:

Agenzi pekerjaan swasta hendaklah mengenakan fi pendaftaran dan penempatan yang tidak melebihi kadar yang ditetapkan dalam undang-undang.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG AWAM



PENGADUAN AWAM:

Mana-mana individu atau orang awam yang mempunyai maklumat tentang apa-apa isu perburuhan yang disyaki tidak mematuhi standard perburuhan bolehlah membuat aduan berkenaan kepada pihak berkuasa yang berkaitan dengan cepat untuk tindakan pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang yang sewajarnya.

AGENSI PENGUATKUASAAN BERKAITAN

Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyaludupan Migran (MAPO)



MAPO berperanan menyelaras dasar dan pelaksanaan program-program kesedaran dan operasi pencegahan serta pembanterasan anasir-anasir jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa secara inklusif di seluruh Malaysia.

JABATAN DAN AGENSI PENGUATKUASAAN YANG MENGANGGOTAI MAPO



Agensi Penguatankuasaan
Maritim Malaysia



Kementerian
Dalam Negeri



Jabatan Tenaga
Kerja



Jabatan Kastam
DiRaja Malaysia



Jabatan Imigresen
Malaysia



Polis DiRaja
Malaysia



Talian khas ini beroperasi
24 jam sehari

24/7

Tindakan oleh agensi penguatkuasa

Penyaluran maklumat/jenayah pemerdagangan orang
dan penyeludupan migran melalui talian khas MAPO
1MOCC



03 8000 8000

1

35



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

NEGARAKU

TALIAN KHAS MAPO
03 8000 8000



1

35

Sidang Redaksi

**Buku Panduan
Cegah Dan Banteras
Amalan Buruh Paksa dan
Jenayah Pemerdagangan Orang**

Penasihat:
Encik Awang Raduan bin Awang Omar
Pengarah, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

Ketua Penyelaras:
Encik Mohd Nizar bin Zakaria
Timbalan Pengarah, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

Ahli-Ahli Sidang:
Puan Jamillah binti Putit
Ketua Bahagian Standard Perburuhan

Puan Wan Ainon Zuhaida binti Wan Abdul Khalid
Ketua Bahagian Penguatkuasaan

Encik Ewiim @ Ewiin anak Michael Sinar
Ketua Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin

Puan Florence Yong Hui Ling
Ketua Bahagian Penyelidikan & Maklumat

Encik Tujoh anak Bachat
Bahagian Standard Perburuhan

Encik Jeffry Douglas anak William Nagun
Bahagian Penyelidikan & Maklumat

Encik Phang Pin
Bahagian Penguatkuasaan

Puan Robiah binti Omar Baki
Bahagian Standard Perburuhan

Puan Bibi Diana binti Abdul Manaf
Bahagian Standard Perburuhan

Tuan Haji Rahman bin Masaat
Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin

Encik Gani anak Nyabong
Bahagian Penguatkuasaan

DIREKTORI

Ibu Pejabat

JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga 93532 Kuching, Sarawak

Tel : 082-242261 Fax : 082-244909

Emel : jtknsarawak@mohr.gov.my

Laman web: <https://www.jtkswk.gov.my>

PEJABAT BAHAGIAN

PEJABAT TENAGA KERJA KUCHING

Tkt. 7 & 8, Bangunan KWSP,
Jalan Upland, Peti Surat 375,
93300 Kuching
Tel : 082-247349 Fax : 082-247305
Emel : jtkbkuching@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SAMARAHAN

Sub Lot No.33, Lot 4681, Tkt.Bawah 1 & 2,
Fasa 17, Blok 1, Desa Ilmu,
Sarawak Land District, Jln Dato' Mohd Musa,
94300 Kota Samarahan
Tel : 082-616073 Fax : 082-616054
Emel : jtkbsamarahan@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SERIAN

Tkt. Bawah, Lot 1061-1062,
Jalan Alamanda, Serian Town District,
94700 Serian
Tel : 082-874840 Fax : 082-875299
Emel : jtkbserian@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SRI AMAN

Tkt. Bawah, Bgn. Persekutuan Fasa II,
Jalan Kejatau, Peti Surat 83,
95007 Sri Aman
Tel : 083-322527 Fax : 083-323194
Emel : jtksriaman@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA BETONG

Sublot 35 Of Parent Lot 1992, Phase 3, Block 9,
Batu Api Land District, Betong Newtownship,
95700 Betong
Tel : 083-420233 Fax : 083-420244
Emel : jtkbetong@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SARATOK

Ground Floor, 3 Storey Shophouse,
Lot 719, Saratok Town District,
95400 Saratok
Tel : 083-438603 Fax : 083-438609
Emel : jtkbsaratok@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SARIKEI

Tingkat Bawah, Wisma Persekutuan,
Jln. Bangunan Kerajaan, 96100 Sarakei
Tel : 084-651242 Fax : 084-654011
Emel : jtksarakei@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SIBU

Tkt.3, Wisma Persekutuan Blok 3, Lot 462,
Persiaran Brooke, Peti surat 431, 96007 Sibu
Tel : 084-330700 Fax : 084-317284
Emel : jtkbsibu@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA KAPIT

Tkt.2, Wisma Persekutuan,
Jalan Kapit By-Pass,
Peti surat 75, 96807 Kapit
Tel : 084-796430 Fax : 084-797637
Emel : jtkbkapit@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA MUKAH

Sublot No.43, Lot 924 & 927, Block 68,
Mukah Land District, Mukah Town
Extension Phase II, 96000 Mukah
Tel : 084-874179 Fax : 084-874182
Emel : jtkbmukah@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA BINTULU

Tkt.2, Bangunan Persekutuan,
Batu 2, Jln Bintulu/Miri,
Peti Surat 418, 97008 Bintulu
Tel : 086-337625 Fax : 086-339457
Emel : jtkbbintulu@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA BAKUN

No.4, Sungai Asap Commercial Centre,
Belaga Peti Surat 418, 97008 Bintulu
Tel : 019-8595286 Fax : 086-339457
Emel : jtkbbakun@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA LIMBANG

Tkt.2, Bgn Persekutuan, Jalan Fisher,
Peti Surat 128, 98707 Limbang
Tel : 085-211228 Fax : 085-212461
Emel : jtkblimbang@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA MIRI

Tkt.3, Bangunan. Persekutuan, Jalan Gartok,
Peti Surat 541, 98007 Miri
Tel : 085-419949 Fax : 085-417181
Emel : jtkbmiri@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA MARUDI

Tkt.2, Wisma Persekutuan,
Jalan Kampung Cina,
Peti Surat 224, 98508 Marudi
Tel : 085-755963 Fax : 085-756559
Emel : jtkbmarudi@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA LAWAS

Tingkat Bawah 1 & 2, Bangunan Kedai
3 Tingkat, Lot 334, Jln Trusan,
Lawas Town District, 98850 Lawas
Tel : 085-285452 Fax : 085-285476
Emel : jtkblawas@mohr.gov.my